



Pegawai Belia dan Sukan UMP, Mohd. Aznorizamin Ismail (empat dari kanan) dan Pegawai Perubatan, Dr Khairul Salleh Abdul Basit turut serta sebagai Sekretariat AUG Malaysia dalam memastikan keperluan atlet bagi mencipta kecemerlangan.

Perancangan rapi bantu Malaysia unggul AUG

Oleh Nor Azazi Mamat
bhvarsiti@bharian.com.my

► Gambang

Perancangan rapi Sekretariat Pengurusan dan Persediaan Kontinjen Malaysia (Sekretariat AUG Malaysia) sejak 2011 dikenal pasti faktor utama kejayaan Malaysia menjuarai Kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) Ke-16, Disember lalu. Kejohanan yang disertai 11 negara di Vientiane, Laos itu mencatat sejarah apabila

buat julung kalinya Malaysia dinobatkan juara keseluruhan dalam kejohanan di luar negara.

Gelaran juara keseluruhan sah menjadi milik negara apabila meraih 60 pingat emas, 47 perak dan 72 gangsa sekaligus menewaskan pencabar terdekat iaitu Vietnam dan Thailand.

Di sebalik kejayaan kon-

tingen negara, terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang utama kejayaan itu termasuk kewujudan Pusat Kecemerlangan Sukan dan Pusat Sukan Tumpuan di setiap institusi pengajian tinggi (IPT) serta perancangan rapi oleh Sekretariat AUG Malaysia yang dipertanggungjawabkan kepada Pusat Sukan Universiti Malay-

sia Pahang (UMP).

Perancangan diatur

Sekretariat Pengurusan dan Persediaan Kontinjen AUG Malaysia mula menggerakkan perancangan dan persiapan sejak Disember 2011 termasuk melaksanakan beberapa program bagi mencari atlet universiti berkualiti untuk diketengahkan dalam kejohanan itu.

Antara program dijalankan Sekretariat AUG Malaysia ialah Bengkel Perancangan Persediaan Kontinjen Malaysia, Bengkel Pengurusan dan Jurulatih, Kem Latihan Pusat Fasa 1, Kem Pemantauan Atlet serta Latihan Pusat Fasa terakhir.

Sekretariat AUG Malaysia

juga mendapat kerjasama erat daripada Pusat Kesihatan Pelajar UMP serta Institut Sukan Negara sebagai Pasukan Perubatan Malaysia serta Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) bagi mengukuhkan kekuatan dan melancarkan pelaksanaan perancangan jawatankuasa itu.

Sekretariat AUG Malaysia juga dipertanggungjawabkan bagi memastikan kesempurnaan pengurusan kontinjen negara secara keseluruhan ketika Kejohanan Sukan AUG di Laos termasuk pendaftaran 450 pegawai dan atlet, pemarkan kontinjen negara, penginapan, pengangkutan, bilik rawatan kontinjen AUG Malaysia serta penerbangan pergi dan balik ke tanah air.



Nor Azazi Mamat (paling kanan) bersama-sama barisan Sekretariat dari UMP yang turut berperanan menjadi tulang belakang tonggak kejayaan kontinjen Malaysia dalam AUG Ke-16 baru-baru ini.